

PROGRAM DAN AKTIVITI WARGA EMAS SATU KAJIAN DI PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) NEGERI KEDAH

Rossaffie Bin Ismail
L5 U 2 Kwarters Kerajaan Guru Smka (P) Almashoor
Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050, Pulau Pinang
E-Mel:rossaffiei@gmail.com

ABSTRAK

Warga emas ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas. Ini adalah selaras dengan ketetapan "World Assembly On Ageing 1982" di Vienna yang menetapkan umur warga emas di Malaysia adalah 60 tahun dan ke atas. Berdasarkan statistik dari Jabatan Pendaftaran Negara, terdapat seramai 277,952 golongan warga emas yang berada di Negeri Kedah. Berdasarkan kajian, Malaysia akan mencapai status Negara Tua pada tahun 2030 dimana 15% penduduknya terdiri dari kalangan warga emas. Untuk itu, satu langkah proaktif dibuat bagi memastikan golongan ini sentiasa sihat dan aktif dalam melaksanakan aktiviti dan program agar mereka sentiasa diberikan perhatian sewajarnya. Bagi Negeri Kedah, status penuaan berdasarkan statistik sehingga kini adalah 12.6% populasi warga emas berdasarkan jumlah kependudukan di Negeri Kedah seramai 2.2 juta orang. Selaras dengan kehendak Kerajaan Persekutuan, perlu diwujudkan setiap PAWE di setiap Parlimen bagi merangka dan membolehkan warga emas sentiasa aktif di Negeri Kedah. Di Negeri Kedah mempunyai 12 PAWE mewakili 12 kawasan Parlimen dan kajian ini akan melihat penglibatan warga emas dalam aktiviti dan program yang berjaya menarik minat dan kecenderungan mereka. Di akhir kajian, pengkaji akan menyatakan keperluan program sebegini sebagai contoh di kalangan warga emas dan dijadikan panduan pada masa hadapan.

Kata kunci: Warga Emas, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Program dan Aktiviti, Kawasan Parlimen dan Negara Tua

PENGENALAN

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (developmental) kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). PAWE mula ditubuhkan pada tahun 2002 dan dikenali sebagai Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWT) dan ditukar nama kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) pada tahun 2012. Sehingga kini terdapat 13 buah PAWE diseluruh Negeri Kedah.

Objektif penubuhan PAWE adalah seperti berikut:

- I. Mempelbagaikan dan meluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas;
- II. Meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif;
- III. Memberi ruang kepada warga emas agar dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran mereka; dan
- IV. Memberi alternatif kepada kumpulan warga emas daripada kategori keluarga berpendapatan rendah; dan
- V. Menyatupadukan pelbagai etnik / kaum dan agama.
- VI. Konsep PAWE adalah ianya penglibatan komuniti setempat, imtergenerasi dan interaktif dikalangan komuniti setempat dan warga emas.

Program dan aktiviti di PAWE memenuhi keperluan warga emas selaras dengan Dasar Warga Emas Negara iaitu melibatkan 5 dimensi seperti berikut:

- I. Penuaan Positif (Dimensi Kerohanian) iaitu program keagamaan
- II. Penuaan Aktif ((Dimensi sosial) iaitu program rekreasi
- III. Penuaan Menyokong (Dimensi Persekitaran) iaitu program terapi dan pemulihan
- IV. Penuaan Sihat (Dimensi Kesihatan) iaitu program ceramah kesihatan
- V. Penuaan Produktif (Dimensi Ekonomi) iaitu latihan atau kursus yang bersesuaian

KUMPULAN SASAR

Secara langsung

Warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas dan boleh berdikari

Secara tidak langsung

Ahli komuniti setempat seperti kanak-kanak remaja, wanita, orang kurang upaya (OKU), keluarga dan komuniti.

LATAR BELAKANG

Negeri Kedah mempunyai 13 PAWE iaitu, PAWE Pendang, Kota Setar 1, Kota Setar 2, Yan, Baling, Sik, Kulim, Bandar Baharu, Langkawi, Sungai Petani dan Padang Terap Serta Kubang Pasu dan terbaru PAWE Parlimen Sungai Petani. **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (developmental) kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Objektif penubuhan PAWE adalah seperti berikut:

- Meluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas
- Ruang kepada warga emas rasa dihargai melalui perkongsian pengalaman & kepakaran mereka
- Menggalakkan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak
- Memberi alternatif kepada kumpulan warga emas daripada kategori keluarga berpendapatan rendah; dan
- Meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif

PAWE DI NEGERI KEDAH

Negeri Kedah telah diluluskan sebanyak 13 PAWE yang mewakili Parlimen seperti berikut:

- I. Parlimen Kulim-Bandar Baharu – PAWE Bandar Baharu
- II. Parlimen Padang Serai – PAWE Kulim
- III. Parlimen Merbok – PAWE Sungai Petani
- IV. Parlimen Pendang – PAWE Pendang
- V. Parlimen Jerai – PAWE Yan
- VI. Parlimen Kubang Pasu – PAWE Kubang Pasu
- VII. Parlimen Padang Terap-PAWE Padang Terap
- VIII. Parlimen Kota Setar – PAWE Kota Setar 2
- IX. Parlimen Pokok Sena – PAWE Kota Setar 1
- X. Parlimen Langkawi-PAWE Langkawi
- XI. Parlimen Baling – PAWE Baling
- XII. Parlimen Sik- PAWE Sik
- XIII. Parlimen Sungai Petani – PAWE Parlimen Sungai Petani

STATISTIK AHLI PAWE NEGERI KEDAH

JADUAL 1

PAWE	Melayu		Cina		India		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
Kota Setar 1	19	82	-	-	-	-	101
Kota Setar 2	44	36	1	1	-	-	82
Bandar Baharu	64	101	2	4	4	3	178
Baling	53	98	-	-	-	-	151
Sik	21	66	-	-	-	-	87
Kulim	67	181	-	-	-	-	248

Kuala Muda	12	90	1	1	-	-	104
Yan	14	11	-	-	-	-	25
Kubang Pasu	27	14	-	-	-	-	41
Langkawi	46	68	32	82	1	1	230
Padang Terap	10	32	-	-	-	-	42
Pendang	16	74	-	2	-	-	92
Jumlah Keseluruhan	393	853	36	90	5	4	1381

* PAWE Parlimen Sungai Petani akan beroperasi pada bulan November 2021.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Program dan aktiviti yang dilaksanakan di PAWE bercorak penglibatan komuniti setempat. Berdasarkan kepada kecenderungan dan minat, pelbagai aktiviti yang boleh dilaksanakan secara kolaborasi dengan agensi kerajaan, penduduk setempat dan persatuan penduduk.

Berdasarkan kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat warga emas, mereka memerlukan kepada penjagaan, pemulihan dan sokongan sosial serta sesi interaksi sosial agar mereka dapat dibantu dan dapat terus mendapat tempat dalam masyarakat.

Senario penuaan di Malaysia merupakan suatu aspek yang semakin dititik beratkan memandangkan Malaysia sedang menuju ke arah negara tua apabila 15% daripada populasi penduduk terdiri daripada warga emas. Bagi Negeri Kedah, jumlah peratusan penduduk warga emas adalah sebanyak 12.6% dengan jumlah warga emas di Negeri Kedah iaitu 277,952 orang berbanding jumlah penduduk Negeri Kedah seramai 2.2 juta.

Peralihan demografi akan menyebabkan kesan rantaian yang merangkumi pelbagai aspek lain seperti sosioekonomi, kesihatan dan kesihatan mental, beban tanggungan kerajaan, perubahan nilai dalam masyarakat yang seterusnya bakal memberikan kesan yang signifikan kepada kehidupan warga emas. Konsep hubungan intergenerasi dan sokongan yang diberikan antara satu sama lain kini menjadi isu penting apabila ia semakin menurun seiring dengan perubahan dalam bidang perindustrian dan pemodenan.

Secara tidak langsung, isu pokok penuaan itu sendiri akhirnya melibatkan juga persoalan berkaitan kesesuaian dasar sedia ada dan peranan pemegang taruh berkaitan dalam persediaan menangani cabaran ini. Rentetan itu Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Kebangsaan diwujudkan sebagai suatu mekanisme pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan penuaan penduduk. Fungsi Majlis ini adalah untuk memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas itu sendiri selain turut berperanan menangani isu-isu warga emas dan fenomena penuaan.

Selain itu, Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri (JPWEN) juga telah ditubuhkan bagi menghubungkan pentadbiran persekutuan dan negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan dasar berjalan dengan lancar di semua peringkat seterusnya memastikan kelestarian program dan pemantauan yang lebih teratur.

Justeru, seminar Citra Minda Intergenerasi dilihat sebagai salah satu medium pelaksanaan yang berkesan bagi memberi kesedaran kepada orang muda dan warga emas mengenai keperluan menjalankan aktiviti secara bersama dan khidmat masyarakat. Ia juga memberi peluang kepada kumpulan profesional dalam kalangan warga emas menyumbang ilmu, idea dan kepakaran ke arah pembangunan warga emas secara holistik.

Program ini merupakan gabungan program Intergenerasi Warga Emas, Kanak-kanak dan Remaja dan Golden Mind Program dan menjadi aktiviti tetap yang dilaksanakan di bawah JPWEN sejak tahun 2018.

Program ini juga adalah selaras dengan strategi ke lima yang terkandung dalam Dasar Warga Emas Negara (DWEN) iaitu Penglibatan dan Kesepaduan Antara Generasi dengan memberi penekanan kepada tindakan-tindakan untuk meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur serta mengeratkan hubungan timbal balik antara generasi.

PROGRAM WARGA EMAS SEPANJANG TAHUN 2021 ANJURAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KEDAH

Menyedari peri pentingnya mengekalkan warga emas untuk terus produktif, berdaya saing dan sejahtera, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah telah merangka pelbagai program seperti berikut :

- (i) Program Kalam Jaddi Peringkat Negeri Kedah pada bulan Ogos 2021 dan mewakili Negeri Kedah ke Peringkat Kebangsaan kategori hafazan, tilawah dan azan.
- (ii) Program Citra Minda Intergenerasi yang dilaksanakan pada 10hb. Oktober, 2021
- (iii) Perbincangan Meja Bulat Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri ‘Perubahan Definisi Warga Emas’ yang akan dianjurkan di peringkat zon utara oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang pada 21hb. Oktober 2021.
- (iv) Pada hari ini diadakan Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Negeri melalui Anugerah Tokoh Warga Emas, Anugerah PAWE Terbaik, Anugerah Pertubuhan PAWE Terbaik, Warga Emas Tertua Lelaki dan Wanita.
- (v) Kelulusan PAWE baru tahun 2021 di Parlimen Sungai Petani dan Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka; dan
- (vi) Cadangan tiga (3) PAWE baru 2022 melibatkan Parlimen Jerlun, Kuala Kedah dan Universiti Utara Malaysia(UUM)
- (vii) Membangunkan sistem e-WE di peringkat Kerajaan Persekutuan Sistem ini merangkumi pendaftaran warga emas, suai padan pekerjaan, perkongsian maklumat dan seterusnya menjana kepada pemetaan warga emas di negara ini.
- (viii) Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri (JPWEN) dan Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah (JPWED) sebanyak setahun 2 kali.

RANGKUMAN PROGRAM DAN AKTIVITI PAWE TAHUN 2020 -2021

i. Dimensi Kerohanian


Program Keagamaan, Kerohanian Dan Pembelajaran

Gambar 1



ii. Dimensi Sosialprogram Sukan Dan Rekreasi

Gambar 2



iii. Dimensi Kesihatan

Program Kesihatan Dan Terapi

Gambar 3



iv. **Dimensi Persekitaran**

Aktiviti Bersama Rakan Sebaya, Komuniti Dan Sukarelawan

Gambar 4



v. **Dimensi Ekonomi**

Program Permekasan Ekonomi

Gambar 5



KESIMPULAN

PAWE memainkan peranan penting dalam komuniti bagi memperkasakan golongan warga emas. Selaras dengan “Nation Ageing” yang dijangka pada tahun 2030 mendapati 15% daripada populasi penduduk Malaysia adalah terdiri dari golongan warga emas. Pelan tindakan perlu dikemukakan termasuk untuk menggubal rang undang-undang warga emas bagi memastikan warga emas di negara ini sentiasa diberikan perlindungan dan penyertaan penuh mereka dalam komuniti bagi mencapai Malaysia ke arah negara maju kelak.

BIBLIOGRAFI

1. Laman Webs Jabatan Kebajikan Masyarakat :<https://www.jkm.gov.my>
2. Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat
3. Pamphlet Pusat Aktiviti Warga Emas Negeri Kedah
4. Pamphlet Pusat Aktiviti Warga Emas.
5. Teks Ucapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
6. Teks Ucapan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat dan Kebajikan Negeri Kedah Darul Aman.